



# Penampilan lebih bergaya, inovatif dan premium

Oleh AFIFI HAFIZ MOHD. NOR

**P**ADA tahun 2015, Honda Malaysia telah berjaya memperkenalkan kenderaan utiliti sukan (SUV) model HR-V dan secara langsung menjadi peneraju bagi segmennya ketika dilancarkan. HR-V atau *Hip & Smart Runabout Vehicle* juga menjadi model paling laris sejak itu.

Baru-baru ini bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Honda Malaysia telah melancarkan model HR-V baharu.

Model baharu itu yang dibangunkan dengan konsep *Amp Up Your Life* telah diperbaharui dan kini hadir dengan penggayaan luar biasa, sistem janaan kuasa canggih serta ciri inovatif tetapi dalam masa sama masih mengekalkan ciri praktikal untuk kegunaan harian.

Penulis difahamkan, HR-V baharu ini direka untuk sentiasa berada selangkah di hadapan. Populariti model itu tidak dapat disangkal dan ia masih dikekalkan untuk model terbaharu ini.

Malah, sejak tempahan model terbaharu itu dibuka, ia telah menerima sambutan positif daripada orang ramai.

Honda Malaysia memaklumkan bahawa HR-V baharu telah menerima lebih daripada 20,000 tempahan setakat ini.

Dengan maklum balas menggalakkan dan permintaan tinggi itu, tempoh menunggu bagi HR-V kini ialah 12 bulan bergantung

kepada varian.

Namun, kami difahamkan Honda Malaysia sedang mengambil langkah terbaik untuk menyerahkan kereta

baharu pelanggan secepat mungkin.

Dari segi rekaan, bahagian luaran HR-V telah menerima pembaharuan menyeluruh untuk tampil lebih bergaya



Model baharu itu yang dibangunkan dengan konsep *Amp Up Your Life* telah diperbaharui dan kini hadir dengan penggayaan luar biasa, sistem janaan kuasa canggih serta ciri inovatif, tetapi dalam masa sama masih mengekalkan ciri praktikal untuk kegunaan harian."


dan premium berbanding model yang terdahulu.

Wajah bahagian depan didominasi rekaan jeriji *sporty* baharu, manakala pada bahagian belakangnya dihiasi oleh lampu jalur LED.


Empat varian seperti RS, V, E dan S ditawarkan dengan tiga pilihan sistem enjin kepada pelanggan mengikut kepada gaya hidup dan keperluan penggunaan masing-masing.

Antara tarikan menarik lain pada HR-V ini adalah seperti lampu utama LED, lampu nyalaan siang (DRL) dan lampu kabus LED (untuk varian RS, V dan E).

Bagi melengkapkan lagi imej *sporty* untuk varian RS dan V, rim bersaiz 18 inci dan lampu isyarat



**KENDERAAN** ini dilengkapi sistem janaan kuasa yang canggih.



**REKAAN** yang inovatif terserlah pada model HR-V baharu ini.

**WAJAH** bahagian hadapannya didominasi rekaan jeriji sporty baharu.



**DARI** pandangan luaran, rupanya kelihatan segar dengan binaan yang kemas.